

Langkah proaktif perlu bagi atasi kesan perubahan iklim

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
bustymessy@gmail.com

KOTA KINABALU: Malaysia masih boleh melakukan sesuatu bagi meminimumkan kesan negatif perubahan iklim yang berlaku memandangkan ia masih belum mencapai kesan teruk.

Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pendidikan Taman-Taman Sabah, Dr Maklarin Lakim mengingatkan agar masyarakat perlu berdepan dengan hakikat perubahan iklim yang berlaku sememangnya membawa kesan negatif.

"Justeru langkah proaktif dan penyelidikan perlu dijalankan bagi mengatasi masalah berkenaan dari terus berleluasa," katanya bagi

merumuskan Seminar Saintifik Gunung Tambuyukon yang dijalankan selama dua hari di sini kelmarin.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Taman-Taman Sabah, Dr Joachim Gunsalam. Seminar itu merupakan anjuran bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Taman-Taman Sabah.

Menurutnya, antara usaha yang dilakukan adalah dengan menjadikan pergunungan Tambuyukon sebagai satu tapak penyelidikan atau makmal semulajadi bagi memnatau perkembangan fenomena itu.

Maklarin berkata Gunung Tambuyukon mempunyai potensi untuk menarik pelancong dari segi flora dan faunanya yang unik. Selain itu, sekiranya kemudahan dan produk pelancongan siap dibangunkan secara tidak langsung ia boleh menarik lebih ramai pelancong pada masa akan datang.

Beliau yang juga Pengerusi Penganjur seminar itu menjelaskan kajian demografi penduduk di sekitar Sub-stesen Monggis turut dilakukan dan data yang diperolehi akan digunakan untuk pembangunan pelancongan di kawasan Monggis.

"Kajian mengenai kualiti air turut menunjukkan Monggis mempunyai kualiti air kelas pertama yang mana air sungainya boleh divedok dengan gelas dan terus diminum," katanya.



PENGHARGAAN Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah, Dr. Joachim Gunsalam (kanan) menerima cenderahati kenangan daripada Timbalan Pengarah Taman-Taman Sabah, Dr. Jamili Nais di majlis tersebut. - Gambar ROZZALIN HASHIM

Tambahnya, hasil kajian isipadu air di kawasan Monggis ini akan berguna kepada Taman-Taman Sabah dalam penentuan daya tampung Sub-stesen Monggis untuk pembangunan ekopelancongan pada masa hadapan.

Dalam sesi mengenai flora dan fauna, kajian menunjukkan terdapat banyak spesis yang dikenali dan tidak dikenali bagi ikan, katak dan serangga di kawasan berkenaan. ini menunjukkan potensi untuk menemui spssis baru jika kajian diteruskan.

"Para pengkaji turut menemui kandungan flora masih tinggi di kawasan itu yang mana turut ditemui beberapa spesimen yang jarang dijumpai seperti kulat, lumut dan

paku pakis," katanya.

Jelasnya kajian biokimia dalam kandungan periuk kera menunjukkan kandungan logam bagi air periuk kera tinggi berbanding logam yang terdapat di dalam tanah. Ini menunjukkan kesesuaian tumbuhan berkenaan dengan persekitaran kawasan itu.

Maklarin menambah kajian bagi tumbuhan juga mendapati ada tumbuhan yang mempunyai nilai perubatan yang tinggi dan berpotensi untuk dibangunkan pada masa depan. Selain itu, mereka turut menemui sebanyak 180 spesis orkid di Gunung Tambuyukon namun jumlah berkenaan masih kecil berbanding dengan kawasan lain.